

(Untuk Kegunaan Pejabat)



**BORANG PERMOHONAN PENGHANTARAN KANAK-KANAK
KE TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK (TASKA)
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN TAHUN 2012**

YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

Dengan hormatnya izinkan saya menarik perhatian YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan terhadap perkara di atas.

Dimaklumkan bahawa Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) KPKT dijangka beroperasi pada bulan Mac 2012. TASKA KPKT ini akan menyediakan kemudahan penjagaan bayi dan kanak-kanak seawal usia tiga (3) bulan sehingga empat (4) tahun. Kemudahan TASKA ini dibuka kepada semua penjawat awam KPKT. Walau bagaimanapun, keutamaan adalah diberikan kepada pegawai-pegawai Kumpulan Sokongan terlebih dahulu memandangkan tempat yang terhad. Sekiranya sambutan adalah kurang menggalakkan dan masih terdapat kekosongan, kemudahan TASKA ini akan dibuka kepada pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P).

MASA OPERASI

TASKA beroperasi mengikut tempoh masa seperti berikut :

Isnin - Jumaat	7.00 pagi – 6.00 petang
Sabtu, Ahad serta Cuti Umum	Ditutup

Sila ambil perhatian bahawa tempoh masa operasi TASKA adalah mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Caj tambahan akan dikenakan selepas tempoh masa tersebut iaitu RM 5.00 bagi setiap jam.

YURAN

Perincian yuran yang akan dikenakan adalah berikut :-

Bil.	Kategori	Kadar (RM)
1.	Pendaftaran	50.00
2.	Yuran bulanan <ul style="list-style-type: none">• 3 bulan hingga 3 tahun• 3 tahun hingga 4 tahun	250.00 230.00
3.	Yuran " <i>playschool</i> " (peralatan belajar, alat tulis untuk setahun, fotostat, buku Aulad)	60.00 setahun
4.	Baju sukan sepasang	30.00
5.	Yuran sukan tahunan	30.00
6.	Buku Iqra	10.00
7.	Buku kerja (<i>playschool</i>)- Tahunan <ul style="list-style-type: none">• 4 tahun (<i>Peter and Jane</i>)• 3 tahun• 2 tahun (<i>flashcard</i>)	50.00 10.00 40.00

Sehubungan itu, sukacita dipohon YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan yang berminat untuk menghantar anak-anak di bawah jagaan YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan ke TASKA KPKT untuk mengisi borang seperti yang dilampirkan dan dikembalikan kepada Bahagian Sumber Manusia (BSM) selewat-lewatnya pada **10 Februari 2012 (Jumaat)** melalui email marlyza@kpkt.gov.my / shukry@kpkt.gov.my ataupun faks ke 03-88913199.

Sekiranya YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan mempunyai lebih daripada seorang anak yang akan dihantar ke TASKA ini, YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan diminta agar mengisi borang ini secara berasingan.

Sekian, terima kasih.

**Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**